

1049

INOVASI AL-QURAN: KELEBIHAN, CABARAN DAN SOLUSI

Mohamad Redha Mohamad, Nik Mohd Nabil Ibrahim @ Nik Hanafi, Muhammad Firdaus
Abdul Manaf

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
mohamadredha@kuis.edu.my

ABSTRAK

Al-Quran merupakan sebuah kitab suci yang sentiasa dibaca oleh umat Islam. Inovasi al-Quran dilihat seiring dengan peredaran zaman. Bermula dengan penambahan titik dan baris, kini al-Quran diberi perubahan dari aspek warna. Inovasi al-Quran ini telah memberi nafas baru dalam proses pembelajaran al-Quran. Antara inovasi terkini adalah perkataan-perkataan al-Quran di dalam mushaf diwarnakan, penghasilan al-Quran digital dan aplikasi al-Quran dalam telefon pintar. Walau bagaimanapun, inovasi al-Quran juga mempunyai cabaran yang tersendiri. Kertas kerja ini membincangkan kelebihan dan cabaran yang berlaku akibat daripada inovasi al-Quran. Antara kelebihan yang paling ketara ialah memudahkan proses pembelajaran al-Quran. Manakala antara cabaran daripada inovasi al-Quran ini ialah memberi ruang kepada musuh-musuh Islam untuk memanipulasi al-Quran. Metod kajian dilakukan secara kualitatif manakala pengumpulan data dijalankan menerusi kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati inovasi al-Quran memberi manfaat yang besar kepada umat Islam manakala cabaran-cabaran yang wujud dapat diatasi menerusi solusi-solusi yang disarankan oleh pengkaji. Kertas kerja ini dapat memberi sumbangan dalam aspek kajian terhadap inovasi al-Quran.

Kata kunci: Inovasi, Warna, Mushaf, Digital, Telefon Pintar

1. PENDAHULUAN

Islam adalah satu cara hidup yang lengkap. Ia mencakupi setiap perkara yang hadir dalam kehidupan seharian manusia. Allah s.w.t. menurunkan al-Quran sebagai panduan utama untuk umat manusia di samping mengutuskan rasul untuk diikuti. Rasulullah s.a.w. telah menyatakan bahawa individu yang berpegang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah pasti tidak akan tersesat buat selama-lamanya. Ini membuktikan betapa pentingnya al-Quran dalam membentuk dan membimbing umat manusia ke jalan yang lurus. Sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

ترکت فیکم امرین لَنْ تضلوُ ما تمسکتم بهما: كتاب الله وسنته نبیه صلی الله علیه وسلم

Maksudnya: “Aku tinggalkan kepada kamu semua dua perkara, tidak akan sesat selama-lamanya apa yang berpegang kepada kedua itu, iaitu al-quran dan sunnah nabi.”

Allah telah berfirman bahawa al-Quran akan terjaga dengan baik dan tidak akan dapat diubah oleh sesiapa pun. Sebagaimana firman Allah s.w.t. di dalam surah al-hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَرَأُ لَنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ ۚ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.”

Sirah nabawiyah juga merakamkan tiada seorang pun orang kafir yang mampu dan berjaya mengubah ayat al-Quran walaupun pada ketika itu umat Arab sedang berada di zaman kegemilangan bahasa mereka. Hal ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t. di dalam surah al-an'am ayat 115:

وَثَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَتَهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝

Yang bermaksud: “Dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (*al-Quran*, meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya) dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari kalimah-kalimahNya dan Dialah yang sentiasa mendengar, lagi sentiasa mengetahui.”

Walaubagaimanapun kini dapat dilihat terdapat beberapa perubahan ataupun dipanggil inovasi yang dilakukan terhadap *al-Quran*. Adakah perkara ini menjelaskan ketulenan *al-Quran* ataupun ianya memberi implikasi-implikasi yang tertentu terhadap *al-Quran*? Antara contoh inovasi *al-Quran* yang dilakukan ialah mewarnakan huruf-huruf di dalam mushaf, menghasilkan *al-Quran* digital dan membina aplikasi *al-Quran* yang boleh digunakan di dalam telefon pintar.

2. SEJARAH INOVASI AL-QURAN

Islam merupakan agama yang lengkap dan sempurna. Keindahan Islam dapat dilihat melalui kitab suci *al-Quran* yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Setiap hukum-hakam yang dikeluarkan akan dirujuk kepada *al-Quran* terlebih dahulu sebagai sumber utama.

Saban hari kita melihat *al-Quran* diterbitkan dan dicetak dalam pelbagai rupa. Perkara ini dikenali sebagai inovasi dan kreativiti. Berbagai bentuk inovasi dilakukan termasuklah terhadap *al-Quran*. Inovasi bermaksud pembaharuan. Inovasi menurut kamus dewan edisi keempat bermaksud mengadakan atau memulakan sesuatu yang baru. Manakala *al-Quran* bermaksud kalamullah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. sebagai mukjizat melalui perantaraan malaikat Jibril yang disampaikan dengan jalan mutawatir. *Al-Quran* ialah sebuah kitab suci yang sentiasa dibaca oleh umat Islam sejak diturunkan di zaman Rasulullah s.a.w. Ini bermakna *al-Quran* telah wujud sejak lebih 1400 tahun dahulu. Sepanjang kewujudan *al-Quran*, sebenarnya ia telah berubah dan berinovasi dalam beberapa aspek. Walaupun begitu, perubahan yang dilakukan tidaklah merubah ayat atau makna ataupun intipati ayat *al-Quran* itu sendiri.

Menurut buku Sejarah *Al-Quran* yang ditulis oleh Syeikh Abdul Fatah al-Qadhi, antara inovasi *al-Quran* yang terawal ialah penambahan baris dan titik di dalam dabt *al-Quran* yang diilhamkan oleh Abu al-Aswad ad-Duali dan Nashr bin Ashim. Inovasi ini memberi impak besar yang menyumbang kepada maslahah umat Islam. Penyebaran mushaf *al-Quran* ke pelbagai wilayah Islam mendesak untuk diletakkan titik dan baris bagi memudahkan proses pembelajaran umat Islam yang bukan berbahasa Arab.

Seiring dengan peredaran zaman, *al-Quran* telah berinovasi dalam pelbagai bentuk. Antara inovasi yang dilakukan ialah mewarnakan huruf-huruf di dalam mushaf, penghasilan *al-Quran* digital dan pembinaan aplikasi *al-Quran* di dalam telefon pintar.

3. MAQASID INOVASI AL-QURAN

Dewasa kini, penerapan maqasid dalam kehidupan seharian sangat diberi perhatian. Masyarakat semakin sedar terhadap kepentingan pelaksanaan maqasid syariah. Maqasid perlu dititikberatkan dalam melaksanakan sesuatu perkara. Maqasid di dalam Islam terbahagi kepada lima iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Maqasid inovasi al-Quran termasuk di dalam bahagian yang paling penting iaitu menjaga agama. Ini adalah kerana al-Quran merupakan sumber utama dalam agama Islam dan perlu dijaga hingga ke hari kiamat. Al-Quran akan tetap terpelihara dan berinovasi mengikut peredaran zaman.

4. ISLAM DAN TEKNOLOGI

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, teknologi bermaksud aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains untuk tujuan praktis dalam industri, pertanian, perubatan, perniagaan dan lain-lain. Manakala Islam bermaksud tunduk dan patuh kepada perintah Allah s.w.t.

Teknologi dan Islam tidak boleh dipisahkan. Islam tidak menolak teknologi dan sentiasa menerima baik arus kemodenan. Hal ini dapat dilihat pada zaman Rasulullah s.a.w. dan khalifah-khalifah selepas baginda. Rasulullah pernah menggunakan teknologi orang Persia semasa perang Khandak di mana baginda dan para sahabat menggali parit mengelilingi kota Madinah sebagai benteng pertahanan. Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Al-Fateh, meriam pertama telah dicipta sewaktu penaklukan kota Konstantinopel. Antara tokoh teknologi Islam yang hebat adalah Ibnu Sina dan Ibnu Ismail Al-Jazari.

Al-Quran menggalakkan supaya umat Islam bergiat menggunakan segala ciptaan Allah s.w.t. untuk kegunaan mereka di dalam kehidupan seharian. Allah s.w.t. berfirman di dalam surah Luqman ayat 20:

اَلَّمْ تَرَوْا اَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَةً ظَاهِرَةً وَبَاطِنَةً ۚ وَمَنْ
النَّاسُ مَنْ يُجْدِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ ۖ وَلَا هُدًى وَلَا كِتْبٌ مُّنِيرٌ ۝

Yang bermaksud: “Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi dan telah melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmatNya yang zahir dan yang batin? Dalam pada itu, ada di antara manusia orang yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang petunjuk dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah yang menerangi kebenaran.”

Hal ini sekaligus menafikan dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa Islam itu kuno dan ketinggalan zaman. Walaupun begitu, umat Islam perlu memahami bahawa penggunaan alat-alat teknologi tersebut adalah tertakluk kepada hukum-hakam Islam. Penggunaan teknologi mestilah mengikut garis panduan syariat. Ini adalah kerana idea-idea dan pendekatan yang digunakan oleh Islam adalah bertentangan dengan idea-idea barat.

5. INOVASI AL-QURAN DAN KELEBIHANNYA

5.1 Al-Quran Berwarna

Dewasa kini, terdapat banyak al-Quran yang dicetak dalam bentuk berwarna. Contoh al-Quran berwarna yang popular ialah Al-Quran Perkata Al-Andalus dan Al-Quran Pelangi. Warna yang digunakan bukanlah sekadar untuk mencantikkan mushaf al-Quran, tetapi diadaptasikan sebagai pemudah cara dalam mempelajari ilmu-ilmu al-Quran seperti terjemahan ayat, pembahagi kisah dan yang paling utama ialah huruf berwarna untuk membezakan hukum-hukum tajwid.

Al-Quran berwarna ini sangat bermanfaat dan diminati oleh pelbagai lapisan masyarakat samada golongan dewasa mahupun kanak-kanak. Wajah mushaf yang terkini dihadirkan berbeza berbanding mushaf lama yang hanya berwarna hitam putih. Setiap hukum tajwid diwarnakan dengan warna yang berbeza. Ini menarik minat pembaca-pembaca al-Quran sekaligus memudahkan mereka untuk membezakan hukum tajwid. Sebagai contoh, setiap warna yang diberikan adalah menunjukkan perbezaan hukum seperti merah untuk dengung, hijau untuk qalqalah dan biru untuk mad muttasil.

Al-Quran perlu dibaca secara bertajwid dan tartil. Setiap huruf perlu dipenuhi hak-hak dan mustahaknya. Seseorang dikira berdosa sekiranya membaca al-Quran tanpa menjaga hukum tajwid dengan betul. Firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Muzammil ayat 4:

ورتل القرءان ترتيلًا

Maksudnya: “*Dan bacalah al-quran itu dengan perlahan-lahan.*”

Maka, setiap umat Islam hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk mempelajari cara-cara membaca al-Quran dengan tepat. Mudah-mudahan al-Quran akan memberi syafaat kepada pembacanya yang menjaga hukum tajwid di akhirat kelak.

Kelebihan al-Quran berwarna ini dapat dilihat dengan sangat jelas. Masyarakat bertambah minat untuk mempelajari ilmu tajwid di samping memudahkan pembaca untuk membaca dengan lancar dan fasih. Perkara ini memudahkan para guru al-Quran ketika proses pembelajaran dan talaqqi al-Quran. Pelajar-pelajar dapat membaca secara lancar dan menepati hukum tajwid dengan hanya melihat kepada warna-warna huruf yang dibaca.

Cetakan al-Quran berwarna ini ialah hasil daripada idea dan kreativiti tiga beradik iaitu Abdus Sami, Abdul Nareem dan Abdul Moin yang memang telah lama bergiat dalam bidang penerbitan buku-buku Islam. Mereka mendapat idea dari warna lampu lintas iaitu warna merah untuk berhenti, kuning untuk bersedia berhenti dan hijau untuk jalan. Sistem ini kemudiannya diadaptasi ke dalam mushaf untuk memudahkan umat Islam membaca al-Quran dengan baik dan lancar.

5.2 Al-Quran Digital

Al-Quran digital merupakan satu lagi inovasi yang sangat bermanfaat kepada umat Islam. Antara al-Quran digital yang popular di Malaysia ialah eQalam yang dikeluarkan oleh syarikat My Qalam (M) Sdn Bhd. Ianya dijual dalam harga lingkungan RM250.00. Ia datang dengan beberapa pakej seperti pakej biasa dan pakej eksklusif.

Kelebihan istimewa eQalam ialah boleh membaca perkataan al-Quran sepatah demi sepatah. Ia berbentuk pen pintar yang digunakan dengan cara menunjukkan pen kepada perkataan yang ingin dibaca. Pen pintar itu akan mengeluarkan bunyi sebutan yang betul untuk

membantu para pengguna membaca al-Quran. eQalam dapat membantu pengguna dalam meningkatkan mutu bacaan dari aspek tajwid dan makhraj huruf. Ia dilengkapi dengan terjemahan dan bacaan dari beberapa qari yang masyhur seperti Syeikh Mishary dan Syeikh al-Sudais.

Kelebihan eQalam adalah mudah dibawa ke mana-mana kerana bentuknya yang kecil dan ringan dan ia juga direka berasingan dari gadget-gadget yang lain. Selain itu eQalam memudahkan pengguna menyemak dan meningkatkan mutu bacaan di samping memudahkan proses pembelajaran al-Quran. Bacaan al-Quran di dalam sistem eQalam selamat dan tidak perlu diragui kerana telah disemak dan diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri.

5.3 Aplikasi Al-Quran Dalam Telefon Pintar

Teknologi kini semakin berkembang pesat mengikut peredaran zaman. Antara gadget yang sangat popular dan digunakan secara meluas ialah telefon pintar. Tidak dinafikan setiap individu pasti memiliki telefon pintar masing-masing. Seiring dengan penciptaan telefon pintar ialah aplikasi yang pelbagai. Antara aplikasi yang dibina ialah al-Quran flash seperti Quran for Android, Al Quran Melayu dan iQuran Lite.

Aplikasi al-Quran di dalam telefon pintar sentiasa di tambah baik dari masa ke semasa. Ketika di peringkat permulaan, aplikasi al-Quran hanya hadir dalam bentuk tulisan sahaja. Kini, aplikasi al-Quran turut dilengkapi dengan sistem audio yang dibaca oleh qari-qari masyhur dan terjemahan dalam pelbagai bahasa yang boleh dimuat turun.

Kelebihan aplikasi al-Quran di dalam telefon pintar ialah ia mudah dibawa ke mana-mana. Sudah pasti setiap individu jarang-jarang terlupa untuk membawa telefon pintar. Aplikasi ini boleh digunakan ketika sedang menunggu bas, ketika berada di kedai makan dan juga ketika sudah selesai solat. Pengguna juga boleh menggunakan sistem audio sekiranya sedang memandu. Pengguna boleh melihat terjemahan secara terus ketika sedang membaca aplikasi al-Quran ini.

6. CABARAN DAN SOLUSI

6.1 Al-Quran Berwarna

Setiap perkara pasti ada cabaran dan kelemahannya. Walaupun al-Quran berwarna memudahkan proses pembelajaran, ia tidaklah terlalu berkesan untuk tempoh jangka masa yang panjang. Sebagai contoh, pelajar hanya mampu mengenalpasti hukum tajwid dengan melihat kepada warna seperti merah untuk dengung dan lain-lain. Para pembaca tidak mampu menentukan hukum tajwid dengan hanya melihat kepada huruf sahaja. Ini bererti mereka tidak mampu membaca dengan lancar sekiranya menggunakan mushaf hitam putih. Tambahan pula, guru-guru al-Quran yang veteran mungkin berasa kekok atau tidak mahir menggunakan mushaf terkini yang berwarna-warni.

Maka bagi mengatasi kelemahan ini, beberapa solusi perlu dilaksanakan. Antara solusi atau penambahbaikan yang boleh dilakukan ialah menjalankan kursus-kursus tajwid atau kursus-kursus al-Quran kontemporari yang khusus untuk para guru al-Quran. Ini dapat meningkatkan tahap pendidikan al-Quran di Malaysia ke satu tahap yang lebih baik. Di samping itu, para pelajar juga perlu diberi kesedaran untuk mempelajari hukum tajwid tanpa sekadar melihat dan bergantung kepada warna-warna yang digunakan dalam mushaf terkini. Para pelajar

perlu mempelajari teori ilmu tajwid berdasarkan kitab-kitab atau melatih diri membaca dengan menggunakan al-Quran hitam putih.

6.2 Al-Quran Digital

Antara cabaran yang berlaku terhadap al-Quran digital ialah penggunaan gadget ini secara meluas mengurangkan berlakunya proses talaqqi. Proses talaqqi al-Quran ialah satu proses pelajar bertemu guru untuk mempelajari cara membaca al-Quran dengan tepat. Talaqqi al-Quran adalah satu proses sangat penting kerana ia diamalkan sejak penurunan al-Quran oleh malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad s.a.w. Bacaan yang terbaik adalah bacaan yang bersambung sanad sampai kepada Rasulullah s.a.w. Sekiranya terdapat individu yang hanya mempelajari cara membaca al-Quran dari eQalam, maka berkemungkinan berlakunya kesalahan dalam proses pembelajaran tersebut. Ini adalah kerana pelajar itu tidak melihat kepada sebutan dan bibir guru yang yang hanya boleh diperolehi dengan cara bertalaqqi.

Selain itu, al-Quran digital ini berbentuk gadget yang terdedah kepada peniruan alat. Sebagai contoh al-Quran dalam bentuk pen pintar ini telah terdapat alat tiruan yang datang daripada negara China. Berdasarkan laman web eQalam, 95% produk pen quran di pasaran adalah daripada China. Maka sewajarnya masyarakat berhati-hati dalam membeli al-Quran digital. Al-Quran digital dari China juga dikenalpasti mempunyai kesalahan dalam beberapa aspek.

Antara solusi yang boleh dicadangkan ialah pelajar tidak bergantung sepenuhnya terhadap al-Quran digital untuk mempelajari cara membaca al-Quran. Al-Quran digital sewajarnya hanya dijadikan sebagai alat tambahan atau sampingan dalam menambahbaik mutu pembacaan al-Quran. Perkara yang paling utama bagi setiap pelajar ialah bertalaqqi dan bertemu dengan guru bagi mendapatkan cara bacaan al-Quran yang lebih tepat dan betul. Selain itu, pengguna al-Quran digital perlu berhati-hati ketika membeli produk tersebut. Pengguna perlu membaca laman web rasmi eQalam untuk mengetahui ciri-ciri produk yang asli. Antara ciri-ciri produk asli ialah mempunyai cop cetakan Malaysia dan cop pengesahan Kementerian Dalam Negeri. Produk-produk tiruan juga mempunyai kesalahan sekiranya pengguna meneliti dengan baik.

6.3 Aplikasi Al-Quran Dalam Telefon Pintar

Antara cabaran yang berlaku adalah wujudnya kesalahan dalam aplikasi al-Quran. Kesalahan penulisan atau terjemahan tidak sepatutnya berlaku kerana ia merupakan satu kesalahan besar dan berat. Contohnya pernah tular di laman sosial bahawa terdapat satu aplikasi yang berlaku penambahan perkataan di dalam ayat keenam surah ali Imran. Perkara seperti ini amat mendukacitakan dan memberi tampanan hebat terhadap umat Islam. Setiap individu atau syarikat yang membangunkan aplikasi al-Quran seharusnya lebih berhati-hati dan tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan al-Quran tanpa disemak dan diteliti.

Selain itu, cabaran besar yang berlaku juga ialah aplikasi al-Quran mudah dimanipulasi oleh musuh-musuh Islam. Sebagai contoh semenjak tahun 2012, satu al-Quran versi Ahmadia Qadiani telah tersebar kepada pengguna telefon pintar. Perkara ini amat membimbangkan lebih-lebih lagi sekiranya tiada kesedaran diberikan kepada orang awam. Dikhuitiri pengguna telefon pintar yang memuat turun aplikasi al-Quran Ahmadia Qadiani akan menyimpang dari ajaran Islam yang sebenar. Aplikasi-aplikasi al-Quran di dalam telefon pintar juga tidak dikukuhkan dan disemak lajnah pentashih sebagaimana mushaf-mushaf al-Quran yang bercetak.

Oleh itu, beberapa cadangan dan solusi perlu diketengahkan supaya cabaran-cabaran yang berat ini dapat diatasi. Antara cadangan yang diketengahkan ialah para pengguna perlu lebih berhati-hati ketika menggunakan aplikasi al-Quran. Para pengguna boleh meneliti, menyemak dan membandingkan aplikasi al-Quran dengan mushaf-mushaf yang berautoriti sekiranya terdapat ayat-ayat yang meragukan. Pengguna aplikasi al-Quran juga boleh bertanya kepada guru-guru al-Quran andai berasa kurang yakin terhadap aplikasi yang dimuatturun. Selain itu, aplikasi-aplikasi yang dibina di dalam telefon pintar boleh dikomen, dikritik dan dibuat laporan di dalam ruangan yang disediakan. Seandainya terdapat sebarang keraguan, pengguna boleh menghantar laporan terus kepada pembina aplikasi dan kebiasaan kesalahan tersebut akan ditambahbaik untuk keluaran versi akan datang.

Di samping itu, kerajaan boleh mencadangkan untuk menubuhkan satu lajnah pentashih yang menyemak aplikasi al-Quran. Perkara ini amat penting dan wajar dilaksanakan untuk membantu umat Islam dalam mendapatkan al-Quran yang terjamin kesahihannya. Tambahan itu, syarikat-syarikat yang membina aplikasi al-Quran ini boleh mengupah individu-individu yang berautoriti untuk menyemak aplikasi mereka sebelum dikeluarkan. Pihak syarikat juga boleh bertemu Kementerian Dalam Negeri untuk mendapatkan keizinan dan lesen sebelum mengeluarkan aplikasi mereka. Sekiranya perkara ini dituruti, pasti keaslian al-Quran lebih terjamin dan memberi ketenangan terhadap masyarakat Islam untuk menggunakan aplikasi al-Quran.

7. PENUTUP

Kesimpulannya, al-Quran merupakan satu mukjizat yang sangat mengagumkan. Keindahan dan keunikannya tidak mampu diungkapkan dengan kata-kata. Umat Islam seharusnya menggunakan al-Quran dengan sebaiknya dalam kehidupan seharian.

Setiap inovasi yang dilakukan terhadap al-Quran ada kelebihan dan manfaatnya. Ia menjadikan al-Quran lebih menarik dan lebih moden mengikut peredaran zaman. Proses pembelajaran juga menjadi semakin mudah dan menarik. Mudah-mudahan dengan setiap inovasi tersebut, umat Islam bertambah rajin dan istiqamah dalam membaca al-Quran.

Sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud:

“Daripada Aisyah r.a katanya, Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Qari yang bertajwid lagi tadabbur bacaannya di akhirat kelak akan bersama-sama dengan para rasul dan malaikat yang setia. Sementara qari yang tersekat-sekat, baginya dua pahala (iaitu pahala membaca dan pahala susah yang dihadapinya).” HR Muslim

Oleh itu, umat Islam sewajarnya menggalakkan diri sendiri dan masyarakat agar sama-sama menyokong dan membantu dalam melaksanakan sebarang inovasi al-Quran. Proses inovasi al-Quran ini memberi manfaat yang besar untuk umat Islam keseluruhannya.

8. RUJUKAN

Al-Quran Al-Andalus

Syeikh Abdul Fatah Al-Qadhi. (2004) . Sejarah Al-Quran. Yayasan Terengganu.

Norarbizaitul Laila, Norhaziana, Salwiza Kasim & Razmalinda. (2011). Inovasi Al-Quran. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Laman web:

<http://www.infomasjidkita.com/2014/01/al-quran-berwarna.html> (dilayari pada 8 Julai 2017)

<http://www.eqalam.my/> (dilayari pada 8 Julai 2017)